



MEMO PEJABAT MARA INDONESIA/SEGERA

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA
MAJLIS AMANAH RAKYAT(MARA)
Lantai 2, Jabatan Penuntut Malaysia
JI H.R. Rasuna Said Kav X/6
Kuningan, Jakarta Selatan 12950
INDONESIA.

Telefon :(021) 52920608
Fax : (021) 52920609
HP : 085710447777

Website: <http://www.mara.gov.my>

Website: <http://www.maraindo.gov.my>

Ruj. Kami : PMI/2/2Klt. II (45)

Tarikh: 15 September 2009

SEMUA PELAJAR-PELAJAR TAJAAN MARA DI INDONESIA

Saudara/i,

PENGHANTARAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SEMESTER GENAP (FEBRUARI-OGOS)TAHUN 2009

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Pertama sekali, Pejabat MARA Indonesia mengucapkan selamat mengikuti Sesi Perkuliahan bagi Semester Ganjil Tahun 2009/2010.

Seperti mana klausa 4.3 dalam Surat Bantuan Pinjaman Pelajaran MARA, saudara/i dikehendaki mengemukakan salinan transkrip keputusan peperiksaan kepada Pejabat ini. Justeru, saudara/i diminta mengumpul transkrip tersebut dan diserahkan kepada wakil 'batch'/wakil pelajar MARA di Universitas masing-masing selewat-lewatnya pada **02 Oktober 2009**. Seterusnya, bantuan wakil pelajar dimohon untuk menghantar melalui pos ke alamat Pejabat MARA Indonesia.

Sekiranya ada sebarang kemusykilan, saudara/i bolehlah menghubungi pegawai-pegawai di Pejabat ini.

Pejabat MARA Indonesia turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada semua pelajar yang telah mengekalkan prestasi akademik yang cemerlang. Walau bagaimanapun, bagi pelajar yang tidak mencapai prestasi yang cemerlang, saudara/i diminta melipat gandakan usaha bagi memastikan penambahbaikan terhadap keputusan peperiksaan akan datang. Langkah ini juga bagi memastikan saudara/i dapat menamatkan pengajian dalam

tempoh yang ditetapkan serta mengelakkan sebarang permohonan untuk perpanjangan/*study extension*.

Sekian, terima kasih.

Salam Aidil Fitri, Maaf Zahir Batin dan Selamat Maju Jaya.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG”

T/T

NOR UYON BINTI SHOIB
Pengarah MARA Indonesia
Kedutaan Besar Malaysia
Jakarta

sk. i. Pengarah,
Bahagian Penganjuran Pelajaran
MARA